



PARLIMEN MALAYSIA



RANG UNDANG-UNDANG

Kewangan (No.2) 1986

DR.37/1986

D.R. No. 37/86

**Naskhah Sahih—Bab II—Bahasa Inggeris
Bab III, IV dan V—Bahasa Malaysia**

**RANG UNDANG-UNDANG KEWANGAN
(No. 2) 1986**

SUSUNAN FASAL

BAB I

PERMULAAN

Fasal

1. Tajuk ringkas dan mula berkuatkuasa.
2. Pindaan Akta-Akta.

BAB II

PINDAAN-PINDAAN KEPADA AKTA KASTAM 1967

3. Pemotongan seksyen 146, 147, 148, 149, 150, 151, 152 dan 153.
4. Pindaan seksyen 154.
5. Seksyen baru 163A, 163B, 163C, 163D, 163E, 163F dan 163G.

BAB III

PINDAAN-PINDAAN KEPADA AKTA CUKAI JUALAN 1972

6. Pindaan seksyen 72.
7. Pemotongan seksyen 81 dan 82.
8. Seksyen baru 83, 84, 85, 86, 87, 88, 89 dan 90.

BAB IV

PINDAAN-PINDAAN KEPADA AKTA EKSAIS 1976

9. Seksyen baru 91A, 91B, 91C dan 91D.

BAB V

**PINDAAN-PINDAAN KEPADA AKTA CUKAI
PERKHIDMATAN 1975**

10. Pindaan seksyen 1.
11. Pindaan seksyen 2.

RANG UNDANG-UNDANG

bernama

Suatu Akta untuk meminda Akta Kastam 1967, Akta Cukai Jualan 1972, Akta Eksais 1976 dan Akta Cukai Perkhidmatan 1975.

[]

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti berikut:

BAB I

PERMULAAN

1. Akta ini bolehlah dinamakan Akta Kewangan (No. 2) 1986 dan hendaklah mempunyai kuatkuasa atau disifatkan telah mempunyai kuatkuasa sebagaimana yang diperuntukkan dalam Akta ini. Tajuk ringkas dan mula berkuatkuasa.
2. Akta Kastam 1967, Akta Cukai Jualan 1972, Akta Eksais 1976 dan Akta Cukai Perkhidmatan 1975 adalah masing-masingnya dipinda mengikut cara yang masing-masingnya dinyatakan dalam Bab II, III, IV dan V. Pindaan Akta-Akta. Akta 235, Akta 64, Akta 176, Akta 151.

BAB II

PINDAAN-PINDAAN KEPADA AKTA KASTAM 1967

3. Akta Kastam 1967, yang disebut "Akta ibu" dalam Bab ini, adalah dipinda dengan memotong seksyen 146, 147, 148, 149, 150, 151, 152 dan 153. Pemotongan seksyen 146, 147, 148, 149, 150, 151, 152 dan 153. Akta 235.

Pindaan
seksyen 154.

4. Seksyen 154 Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan perkataan-perkataan “and Penang” dalam tafsiran “principal customs area” dengan perkataan-perkataan “and Langkawi”.

Seksyen baru
163A, 163B,
163C, 163D,
163E, 163F
dan 163G.

5. Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan, selepas Bahagian XIX, Bahagian baru XIXA dan seksyen baru 163A, 163B, 163C, 163D, 163E, 163F dan 163G yang berikut:

“ PART XIXA

SPECIAL PROVISIONS DEALING WITH LANGKAWI

Interpre-
tation.

163A. In this Part, unless the context otherwise requires—

“Langkawi” means the Langkawi Island and all adjacent islands lying nearer to Langkawi Island than to the mainland;

“principal customs area” means Malaysia exclusive of Labuan and Langkawi.

Customs
duties
relating
to Langkawi.

163B. (1) Notwithstanding anything to the contrary contained in this Act—

(a) no import duty shall be payable upon any goods imported into Langkawi, other than the following:

(i) petroleum and petroleum products; and

(ii) any goods which the Minister may from time to time declare by order published in the *Gazette*;

(b) no export duty shall be payable upon any goods exported from Langkawi, other than any goods which the Minister may from time to time declare by order published in the *Gazette*;

(c) import duty shall be payable upon all dutiable goods transported to the principal customs area from Langkawi as if such transportation to the principal customs area were importation into Malaysia;

(d) export duty shall be payable upon all dutiable goods transported from the principal customs area to Langkawi to all intents as if such transportation from the principal customs area were export from Malaysia; and

(e) the Minister may by order, prescribe the meaning of the word "value" in relation to goods transported from Langkawi to the principal customs area.

(2) Subsections (2), (3), (4), (5) and (6) of section 11 shall apply to any order made by the Minister under paragraph (a) (ii) or (b) of subsection (1).

(3) Nothing in this section shall render inapplicable to Langkawi any other customs duty which may be fixed by the Minister under subsection (1) of section 11.

Trans-
portation
of goods
to or from
Langkawi
from or to
the princi-
pal customs
area.

163c. Where goods are transported—

(a) from Langkawi to the principal customs area; or

(b) from the principal customs area to Langkawi,

the provisions of this Act, other than sections 81, 82, 83, 84, 85, 86 and 87 thereof, shall with such modifications and adaptations as may be necessary, apply as if such goods were imported into, or as the case may be, exported from, the principal customs area from or to a place outside Malaysia, and without prejudice

to the above generality, the provisions of Part XII shall apply to goods transported to or from Langkawi from or to the principal customs area and to persons and vehicles transporting such goods as if Langkawi were a place outside Malaysia.

Declaration of goods transported from Langkawi into the principal customs area.

163D. The person in charge of any vessel or aircraft on which goods are transported from Langkawi to the principal customs area shall make a declaration substantially in the prescribed form giving particulars of the goods transported in such vessel or aircraft.

Dutiable goods to be deemed to be non-dutiable while in Langkawi.

163E. Except for the purpose of section 48, any dutiable goods, other than petroleum and petroleum products, and other goods declared by the Minister under paragraph (a) (ii) of subsection (1) of section 163B or deemed to have been declared by the Minister under that section shall, while in Langkawi, be deemed to be non-dutiable goods and the provisions of this Act shall be construed accordingly.

Collection of duties in Langkawi.

163F. In making regulations under section 142, the Minister may provide for the collection in Langkawi of the customs duties payable in respect of goods transported or about to be transported from or to Langkawi to or from the principal customs area.

Application of Part X to goods transported to Langkawi.

163G. The provisions of Part X which deals with drawback shall apply to goods other than those specified under paragraph (a) (i) of subsection (1) of section 163B and goods declared by the Minister under paragraph (a) (ii) of subsection (1) of section 163B or deemed to have been declared by the Minister under that section, transported from the principal customs area to Langkawi as if such goods had been exported.”

BAB III

PINDAAN-PINDAAN KEPADA AKTA CUKAI
JUALAN 1972

6. Seksyen 72 Akta Cukai Jualan 1972, yang disebut “Akta ibu” dalam Bab ini, adalah dipinda dengan memasukkan selepas perkataan “Labuan” dalam tafsiran “kawasan utama kastam” perkataan-perkataan “dan Langkawi”.

Pindaan
seksyen 72.
Akta 64.

7. Akta ibu adalah dipinda dengan memotong seksyen 81 dan 82.

Pemotongan
seksyen 81
dan 82.

8. Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 82 yang dipotong itu, Bahagian baru XVII dan seksyen baru 83, 84, 85, 86, 87, 88, 89 dan 90 yang berikut:

Seksyen
baru 83,
84, 85, 86,
87, 88, 89
dan 90.

BAHAGIAN XVII

PERUNTUKAN-PERUNTUKAN KHAS
BERKENAAN DENGAN LANGKAWI

Tafsiran. 83. Dalam Bahagian ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“kawasan utama kastam” ertinya Persekutuan tidak termasuk Labuan dan Langkawi;

“Langkawi” ertinya Pulau Langkawi dan semua pulau yang berdampingan dan terletak lebih hampir dengan Pulau Langkawi daripada dengan tanah besar.

Cukai
jualan atas
barang-
barang yang
diimport
masuk atau
diangkut ke
Langkawi
dari
kawasan
utama
kastam.

84. Walau apa pun yang terkandung yang berlawanan dalam Akta ini, tiada cukai jualan adalah kena dibayar atas apa-apa barang-barang kena cukai yang diimport masuk atau diangkut ke Langkawi dari kawasan utama kastam selain daripada barang-barang kena cukai yang boleh diisytiharkan oleh Menteri dari semasa ke semasa melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta*.

Barang-barang yang dikilang di Langkawi disifatkan sebagai barang-barang yang dikilang di luar Persekutuan.

85. Bagi maksud Akta ini, barang-barang yang dikilang di Langkawi hendaklah disifatkan sebagai barang-barang yang dikilang di luar Persekutuan.

Pengangkutan barang-barang ke Langkawi dari kawasan utama kastam atau dari Langkawi ke kawasan utama kastam.

86. Jika barang-barang diangkut—
 (a) dari Langkawi ke kawasan utama kastam; atau
 (b) dari kawasan utama kastam ke Langkawi,

maka peruntukan-peruntukan Akta ini hendaklah, dengan apa-apa ubahsuaian dan penyesuaian yang perlu, terpakai seolah-olah barang-barang itu telah diimport masuk ke dalam, atau mengikut mana yang berkenaan, dieksport keluar dari, kawasan utama kastam dari atau ke suatu tempat di luar Persekutuan, dan tanpa menjejaskan keluasan tersebut di atas, peruntukan-peruntukan Bahagian IX hendaklah terpakai bagi barang-barang yang diangkut ke Langkawi dari kawasan utama kastam atau dari Langkawi ke kawasan utama kastam dan bagi orang-orang dan vesel-vesel dan kapal udara yang mengangkut barang-barang itu seolah-olah Langkawi adalah suatu tempat di luar Persekutuan.

Akuan tentang barang-barang yang diangkut dari Langkawi ke kawasan utama kastam.

87. Orang yang menjaga mana-mana vesel atau kapal udara yang mengikutnya barang-barang diangkut dari Langkawi ke kawasan utama kastam hendaklah membuat suatu akuan yang pada keseluruhan isinya mengikut borang seperti yang ditetapkan di bawah Akta Kastam 1967 atau di bawah mana-mana undang-undang lain yang sedang berkuatkuasa dengan memberi butir-butir barang yang diangkut dalam vesel atau kapal udara itu.

Barang-barang
kena cukai
disifatkan
sebagai tak
kena cukai
semasa
berada di
Langkawi.

88. Apa-apa barang kena cukai hendaklah, semasa berada di Langkawi, disifatkan sebagai tak kena cukai dan peruntukan-peruntukan Akta ini hendaklah ditafsirkan sewajarnya:

Dengan syarat bahawa yang tersebut di atas tidaklah terpakai berkenaan dengan mana-mana barang yang diisytiharkan oleh Menteri sebagai kena cukai atas pengimportan masuk ke Langkawi.

Pemungutan
cukai di
Langkawi.

89. Dalam membuat peraturan-peraturan di bawah seksyen 61 Akta, Menteri boleh membuat peruntukan—

(a) mengenai pemungutan di Langkawi akan cukai jualan yang kena dibayar berkenaan dengan barang-barang yang diangkut atau hampir hendak diangkut dari Langkawi ke kawasan utama kastam atau ke Langkawi dari kawasan utama kastam;

(b) mengenai batasan atau sekatan vesel-vesel dan kapal udara yang boleh digunakan untuk mengangkut barang-barang itu; dan

(c) mengenai pelesenan atau pengawalan orang-orang atau vesel-vesel atau kapal udara yang mengangkut barang-barang itu.

Pemakaian
seksyen 29
bagi barang-
barang
yang
diangkut
ke Langkawi.

90. Peruntukan-peruntukan seksyen 29 hendaklah terpakai bagi barang-barang (selain dari apa-apa barang yang diisytiharkan oleh Menteri sebagai kena cukai atas pengimportan masuk ke dalam Langkawi) yang diangkut dari kawasan utama kastam ke Langkawi seolah-olah barang-barang itu telah dieksport atau dieksport semula, mengikut mana yang berkenaan.”

BAB IV

PINDAAN-PINDAAN KEPADA AKTA
EKSAIS 1976

Seksyen baru
91A, 91B, 91C
dan 91D.
Akta 176.

9. Akta Eksais 1976 adalah dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 91, Bahagian baru XVA dan seksyen baru 91A, 91B, 91C dan 91D yang berikut:

BAHAGIAN XVA

PERUNTUKAN-PERUNTUKAN KHAS
BERKENAAN DENGAN LANGKAWI

Tafsiran.

91A. Dalam Bahagian ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“Langkawi” ertinya Pulau Langkawi dan semua pulau yang berdampingan dan terletak lebih hampir dengan Pulau Langkawi daripada dengan tanah besar.

Barang-
barang kena
duti di
Langkawi.

91B. Peruntukan-peruntukan Akta ini tidaklah terpakai bagi barang-barang yang dikilang di Langkawi, selain daripada yang berikut:

- (i) petroleum dan keluaran-keluaran petroleum; dan
- (ii) apa-apa barang lain yang boleh diisytiharkan oleh Menteri dari semasa ke semasa melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta*.

Barang-
barang yang
di kilang
di Langkawi
hendaklah
disifatkan
sebagai
dikilang di-
Persekutuan.

91C. Barang-barang yang tertakluk kepada duti eksais, selain daripada yang disebut dalam seksyen 91B, apabila dikilang di luar Persekutuan dan apabila dipindahkan dari Langkawi ke wilayah-wilayah yang lain dalam Persekutuan hendaklah disifatkan sebagai pengimportan masuk ke wilayah-wilayah itu dan peruntukan-peruntukan Akta Kastam 1967 hendaklah terpakai.

Akta 235.

Barang-
barang yang
di kilang
di wilayah-
wilayah lain
dalam
Persekutuan
hendaklah
disifatkan
sebagai
eksport
apabila
dipindahkan
ke Langkawi.

91D. Barang-barang yang tertakluk kepada duti eksais, selain daripada yang disebut dalam seksyen 91B, yang di kilang di wilayah-wilayah lain dalam Persekutuan apabila dipindahkan ke Langkawi hendaklah disifatkan sebagai pengeksporan dari wilayah-wilayah itu ke suatu tempat di luar Persekutuan bagi maksud seksyen 19 dan 28 (c).”.

BAB V

PINDAAN-PINDAAN KEPADA AKTA CUKAI PERKHIDMATAN 1975

10. Seksyen 1 Akta Cukai Perkhidmatan 1975, yang disebut “Akta ibu” dalam Bab ini, adalah dipinda dengan memasukkan selepas perkataan “Malaysia” dalam subseksyen (1) perkataan-perkataan “, kecuali Langkawi”.

Pindaan
seksyen 1.
Akta 151.

11. Seksyen 2 Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan selepas tafsiran “Ketua Pengarah” tafsiran baru “Langkawi” yang berikut:

Pindaan
seksyen 2.

“Langkawi” ertinya Pulau Langkawi dan semua pulau yang berdampingan dan terletak lebih hampir dengan Pulau Langkawi daripada dengan tanah besar.”.

HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan meminda Akta Kastam 1967, Akta Cukai Jualan 1972, Akta Eksais 1976 dan Akta Cukai Perkhidmatan 1975 bagi maksud-maksud yang dinyatakan di bawah ini.

BAHAGIAN I

Bab II Rang Undang-Undang ini bertujuan menubuhkan Langkawi sebagai suatu pelabuhan bebas dengan mengecualikannya daripada kawasan utama kastam. Berikutan dengan itu, semua barang kena duti yang diimport masuk ke Langkawi dan dieksport keluar dari Langkawi tidaklah tertakluk

kepada duti import dan duti eksport, dikecualikan petroleum dan keluaran-keluaran petroleum. Bagaimanapun, Menteri boleh di bawah seksyen 163B (1) (a) (ii) dan 163B (1) (b) mengisytiharkan barang-barang yang lain sebagai boleh dikenakan cukai.

Bab III Rang Undang-Undang ini bertujuan meminda Akta Cukai Jualan 1972 bagi mengadakan peruntukan-peruntukan khas berkenaan dengan Langkawi. Pindaan-pindaan ini bertujuan memperuntukkan bahawa semua barang yang diimport masuk ke Langkawi atau dikilangkan di Langkawi tidak akan tertakluk kepada cukai jualan.

Bab IV Rang Undang-Undang ini bertujuan meminda Akta Eksais 1976 untuk membuat peruntukan-peruntukan khas berkenaan dengan Langkawi. *Fasal 6* memperuntukkan bahawa peruntukan-peruntukan Akta Eksais 1976 tidaklah terpakai bagi barang-barang yang di kilang di Langkawi, dikecualikan petroleum dan keluaran-keluaran petroleum dan apa-apa barang lain yang diisytiharkan sedemikian oleh Menteri dari semasa ke semasa.

Bab V Rang Undang-Undang ini bertujuan meminda Akta Cukai Perkhidmatan 1975 untuk mengecualikan Langkawi daripada pemakaian Akta.

IMPLIKASI KEWANGAN

Pindaan-pindaan kepada Akta Kastam 1967 sepertimana terkandung dalam Bab II Rang Undang-Undang ini akan melibatkan Kerajaan dalam perbelanjaan wang tambahan kerana mengadakan kakitangan tambahan, dan segala kemudahan sampingan dan kelengkapan yang diperlukan untuk menguatkuasakan peruntukan-peruntukan ini.

2. Pindaan-pindaan yang lain tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan. [PN. (U²) 1405A.]